

Keng Yaik tidak layak berada dalam Kabinet

UM-18/10/2006

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) menyifatkan perbuatan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik mempersoalkan penguasaan ekuiti bumiputera tidak melayakkannya untuk terus memegang jawatan menteri.

Presidennya, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi itu sepatutnya menggunakan saluran Kabinet untuk mendapatkan penjelasan sekiranya mempunyai keraguan tentang sesuatu maklumat.

Sebaliknya, kata beliau, Keng Yaik tidak mengendahkan saluran itu dan bertindak sehingga menimbulkan kekeliruan dan kontroversi.

"Beliau seharusnya mempunyai penghayatan yang kuat terhadap dasar-dasar kerajaan tanpa ada sebarang prasangka.

"Sehubungan itu, Gabem berpendapat, Keng Yaik sudah tidak layak untuk duduk di dalam Kabinet dan harus meletakkan jawatan kerana tidak bertindak sebagai seorang menteri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Gerakan yang mahu Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Keng Yaik menyifatkan terdapat sesuatu yang tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakkan sebarang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Menurut Abdul Rahim, perbuatan Keng Yaik itu sungguh memalukan dan telah menimbulkan kemarahan orang Melayu.